

**Wacana  
Peradaban  
&  
Pemikiran  
Islam**

---

**Interaksi & Sumbangan  
Nusa Bangsa**

---

**Penyunting:**

Sohana Abdul Hamid  
Lilly Suzana Shamsu  
Awatif Abdul Rahman

UNISSA PRESS  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam  
1438H/2016M

**Penerbit:**

UNISSA Press

Pusat Penyelidikan dan Penerbitan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu

BE1310, Gadong

Negara Brunei Darussalam

Tel: +6732462000

Laman Web: www.unissa.edu.bn

© Sohana Abdul Hamid, Lilly Suzana Shamsu dan Awatif Abdul Rahman

Cetakan Pertama 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

ISBN 978-99917-82-49-2 (Kulit Lembut)

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei  
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan**

WACANA peradaban & pemikiran islam : Interaksi & sumbangan nusa bangsa /  
[editor Sohana Abdul Hamid, Lilly Suzana Shamsu dan Awatif Abdul  
Rahman. – Bandar Seri Begawan : UNISSA Press, Universiti Islam Sultan  
Sharif Ali, 2016.

464 p. 15.2 cm x 22.8 cm.

ISBN 978-99917-82-49-2 (Kulit Lembut)

1. Civilization, Islamic 2. Islam and state 3. Islam—customs and  
practices 4. Muslims—Intellectual life I. Title II. Sohana Abdul Hamid  
III. Lilly Suzana Shamsu IV. Awatif Abdul Rahman

297.57 WAC (DDC 23)

**Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar:**

Ahmad Nazeer Zainal Arifin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Malaysia

**Dicetak Oleh:**

Syarikat Percetakan Borneo

Negara Brunei Darussalam

## SENARAI KANDUNGAN

<b>KANDUNGAN</b>	i-iv
<b>PENGANTAR</b>	v-vi
<b>PRAKATA</b>	vii-viii
<b>BAB 1 SEJARAH DAN TAMADUN</b>	
<b>Buya Hamka: Pandangan dan Tantangan.</b>	1-14
<i>Drs. Afif Hamka</i>	
<b>Peranan Nilai dalam Sistem Politik: Satu Tinjauan Awal.</b>	15-30
<i>Dr. Hairol Anuar Mak Din</i>	
<i>Dr. Zulkifli Abd. Hamid</i>	
<b>Falsafah Dialog antara Agama dalam Al-Qur'an: Ibrah daripada Kisah-Kisah Para Nabi Terdahulu.</b>	31-50
<i>Aemy Elyani Mat Zain</i>	
<i>Norsaadah Din</i>	
<b>BAB 2 PENGAJIAN ISLAM</b>	
<b>Ahli Sunnah Wal Jama'ah Wadah Perpaduan Ummah di Negara Brunei Darusssalam.</b>	51-68
<i>Dr. Hj Norarfan Haji Zainal</i>	
<b>تقييد الوقف بمدة معينة: دراسة مقارنة من وجهة نظر شرعي.</b>	69-90
<i>محمد عزت بن غه</i>	
<i>د. محمد يوسف بن تيه</i>	
<i>معاد بن أحمد</i>	
<i>د. محمد فيصل بن محمد</i>	

<b>'Urf dan Kesannya dalam Perspektif Hukum dalam Masyarakat; Realiti di Malaysia.</b>	91-116
<i>Mohd Mustaffa Jusoh</i>	
<i>Dr. 'Alaa Hussein Ad Dulaimy</i>	
<b>Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Aktif melalui Kemahiran Membaca.</b>	117-138
<i>Awatif Abdul Rahman</i>	
<i>Hairun Najuwah Jamali</i>	
<i>Ku Fatahiyah Ku Azizan</i>	
<i>Siti Nurhajariah Mat Isa</i>	
<b>BAB 3 PENDIDIKAN</b>	
<b>Pendekatan Amthal Al-Qur'an dalam membentuk Peribadi Muslim.</b>	139-160
<i>Nur Zatil Ismah Azizan</i>	
<i>Nazneen Ismail</i>	
<b>Aplikasi Penggunaan Dotsub meningkatkan Kemahiran Mendengar dan Kemahiran Menulis Bahasa Arab.</b>	161-176
<i>Hanis Najwa Shaharuddin</i>	
<b>"How Does A Learns From B" dalam Pemeraksanaan Dunia Pendidikan.</b>	177-194
<i>Norsaadah Din</i>	
<i>Aemy Elyani Mat Zain</i>	
<b>Persepsi Pelajar terhadap Aktiviti Kemahiran Bertutur.</b>	195-214
<i>Nor Azhan Norul 'Azmi</i>	
<i>Normah Husin</i>	
<i>Mariam Mat Daud</i>	
<b>Konsep "Suruh" dan "Pukul" dalam Pentarbiahan Anak-Anak: Tinjauan dalam Huraian Sunnah.</b>	215-238
<i>Dr. Lilly Suzana Shamsu</i>	

## **BAB 4 BAHASA DAN KOMUNIKASI**

**Sikap dan Persepsi Pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Arab terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.** 239-268

*Normah Husin*

**Tema Bertanda Ayat Wacana Bahasa Arab.** 269-288

*Nur Fairuz Ahmad Fuad*

*Hibriyatul Rifhan Abu Bakar*

**Dakwah terhadap Kanak-Kanak: Satu Tinjauan Awal.** 289-320

*Safinah Ismail*

*Nur Aeshah Binti Mohamed*

*Ahmad Atoa Mokhtar*

**Genre Analysis of Menu in F&B Industry.** 321-336

*Aishah Amirah Zainal Abidin*

*Puziah Wahab*

*Zuraifah Zaini*

*Wan Syahiirah Wan Mohamad*

**Impak Aplikasi WhatsApp terhadap Bahasa Melayu Pelajar Institut Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam.** 337-358

*Dr. Siti Sara Haji Ahmad*

## **BAB 5 EKONOMI DAN TEKNOLOGI**

**Sumbangan Wakaf terhadap Pembangunan Ummah Pengalaman di Negara Brunei Darussalam.** 359-384

*Datin Dr. Hajah Mariah Pehin Dato Haji Abdul Rahim*

*Siti Nurasmah Haji Damit*

<b>Sistem Penternakan secara Pawah Permasalahan dari sudut Syariah.</b> <i>Mohd Rofaizal Ibhram</i> <i>Muhammad Yosef Niteh</i> <i>Maad Ahmad</i>	385-400
<b>Unsur Islam dalam Sistem Ekonomi Sosialis; Hubungkait dengan Kegagalan Sosialis.</b> <i>Dr. Kamaru Salam Yusof</i>	401-418
<b>Hubungan Manusia, Sains dan Teknologi.</b> <i>Sohana Abdul Hamid</i>	419-428
<b>Konsep Wasiat dan Wasiat <i>Wajibah</i> dalam Perundangan Islam.</b> <i>Nurul Syafini Abd Rahman</i> <i>Maad Ahmad</i>	429-450

## PENGANTAR

Penerbitan Buku Wacana Peradaban dan Pemikiran Islam: Interaksi dan Sumbangan Nusa Bangsa adalah bukti jalinan ukhuwwah yang erat di antara dua Institusi Pengajian Tinggi Islam di rantau ini iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Penghasilan karya ini adalah kesinambungan daripada Seminar Serantau Peradaban dan Pemikiran Islam (RECIT 2015) yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Teras KUIS dengan kerjasama UNISSA. Di antara penyampai utama dalam seminar berkenaan adalah Prof. Muhammad Syukri Salleh (USM), Malaysia, Dr. Haji Norarfan Haji Zainal (UNISSA), Brunei dan Drs. Afif Hamka (MUI), Jakarta.

Menerusi jalinan sinergi yang dirintis oleh Pusat Pengajian Teras melalui Dekannya, Dr Hairol Anuar Hj Mak Din maka termeterailah Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Pengurusan Tertinggi kedua-dua belah pihak di UNISSA pada 18 *Jamadir Awal* 1437H bersamaan 27 Februari 2016. Sehingga ini pelbagai program akademia telah dilaksanakan secara bersama dan terus giat dirancang untuk direalisasikan pada masa hadapan.

Buku ini adalah hasil himpunan penulisan akademik para ilmuwan dari Negara Brunei Darussalam dan Malaysia berdasarkan tema-tema yang dipilih iaitu Bahasa dan Komunikasi, Sejarah dan Tamadun Islam, Kenegaraan dan Politik, Pendidikan, Pengajian Islam, Bahasa dan Ekonomi, Sains dan Teknologi untuk menjadi bacaan umum kepada khalayak di rantau ini. Di samping itu, penerbitan buku ini tidak syak lagi telah menyumbang ke arah pembentukan dan pembangunan Negara Zikir yang menjadi aspirasi tampuk kepimpinan Negara Brunei Darussalam.

Semoga dengan penerbitan karya Wacana Peradaban dan Pemikiran Islam: Interaksi dan Sumbangan Nusa Bangsa ini akan dapat memberi manfaat kepada ummah dan menyumbang kepada peradaban Islam rentas negara.

Prof. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri

Dr. Haji Norarfan bin Haji Zai

**Rektor KUIS**

**Rektor UNISSA**

## PRAKATA

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا  
محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد:

Setinggi syukur dirafa'kan ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan izin serta limpah kurniaNya jua, buku ini berjaya disiapkan dan diterbitkan. Buku ini adalah hasil usaha sama jalinan tenaga pakar para tenaga akademik Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Buku ini mengandungi himpunan kertas-kertas kerja terpilih daripada seminar Peradaban & Pemikiran Islam (ReCIT 2015) yang telah diadakan pada 27 & 28 Oktober 2015 yang lalu. Kertas-kertas kerja yang dipilih membincangkan tentang interaksi dan sumbangan nusa bangsa dengan pelbagai sub topik di dalamnya merangkumi Pengajian Islam, Sejarah dan Tamadun, Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, serta Ekonomi dan Teknologi.

Buku ini diberi judul “Wacana Peradaban dan Pemikiran Islam: Interaksi dan Sumbangan Nusa Bangsa”. Penerbitan ini dilihat amat signifikan di era globalisasi sebagai wadah dalam mendepani cabaran aliran pemikiran yang radikal dan bertentangan dengan prinsip Ahli Sunnah wa al-Jama'ah, serta menyumbang kepada perkembangan tamadun dan peradaban Islam. Di samping itu, ia merupakan medium dalam menyampaikan pengalaman kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu melalui penyelidikan ilmiah berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah daripada tenaga profesional kedua-dua buah universiti.

Sidang Editor juga mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dekan Pusat Pengajian Teras (PPT) dan Rektor UNISSA yang

telah memberi sokongan dan dukungan padu dalam usaha penerbitan ini. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada semua penulis yang menyumbang idea dan menambah baik kertas kerja masing-masing dalam sama-sama menjayakan penerbitan buku ini. Seterusnya, ucapan penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi suntikan idea dan semangat sehingga terhasilnya buku ini. Semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan membalas semua jasa baik tersebut. Doa dan harapan semoga dengan penerbitan buku ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

Penyunting /Editor

**SOHANA ABDUL HAMID**  
**LILLY SUZANA SHAMSU**  
**AWATIF ABDUL RAHMAN**

# BAB 1

---

## SEJARAH DAN TAMADUN

---

### BUYA HAMKA: PANDANGAN DAN TANTANGAN

AFIF HAMKA  
JAKARTA, INDONESIA

#### PENGENALAN

Pertama-tama, perkenankan saya, dalam forum yang terhormat ini menyampaikan pandangan-pandangan yang amat terbatas, iaitu hanya dalam lingkup pengalaman hidup saya bersama seorang tokoh ulama yang amat saya kenal secara dekat terutama kehidupan kesehariannya. Beliau itu adalah ayahanda saya sendiri yakni Allahyarham Buya Prof. Dr. Hamka. Hamka dilahirkan pada tanggal 17 Februari 1908 di sebuah desa terpencil bernama Sungai Batang di tepi tasik yang indah dipandang, Danau Maninjau namanya.

Ketika lahir ayahandanya memberinya nama Abdul Malik. Ayahnya, Syeikh Abdul Karim, seorang ulama yang terkemuka di Sumatera Barat dan kakeknya

bernama Syeikh Amrullah, juga seorang ulama terpandang di masanya. Nama “Hamka” itu merupakan singkatan dari tiga nama, yaitu namanya sendiri, yang sejak ia menunaikan ibadah haji diawali dengan huruf “H” yang maksudnya “Haji”, kemudian nama ayahandanya dan nama kakeknya. “Haji Abdul Malik Karim Amrullah” yang ia singkat sendiri dengan Hamka. Nama Hamka itulah yang pada awalnya selalu muncul menyertai tulisan-tulisannya di majalah yang ia pimpin “*Pedoman Masyarakat*” yang terbit di Medan di masa-masa sekitar tahun 1930an.

Dimulai dari penguasaannya di bidang bahasa Arab secara serius, itulah yang amat dominan membuka cakrawala intelektual Hamka untuk terus merambah dan mengembara ke berbagai ranah keilmuan Islam, sastra dan filsafat. Di awal kariernya, Hamka dikenal sebagai seorang sastrawan lewat novel-novelnya antara lain “*Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*”, “*Di Bawah Lindungan Ka’bah*”, “*Merantau Ke Deli*”, dan puluhan cerita pendek yang terkumpul dalam sebuah buku bernama “*Di Dalam Lembah Kehidupan*”. Namun perjalanan kehidupannya menempatkan dirinya sebagai seorang ulama terkemuka yang bukan saja melahirkan buku-buku keislaman karangannya, namun juga bahasa lisannya berdakwah lewat khutbah, ceramah dan bertabligh menciptakan interaksi yang amat positif bagi banyak umat, baik di Indonesia maupun di kawasan rantau Malaysia.

Buku-buku keislaman buah karyanya antara lain, “*Tasawuf Modern*”, “*Falsafah Hidup*”, “*Sejarah Umat Islam*”, “*Pribadi*”, “*Lembaga Budi*”, “*Keadilan Ilahi*”, dan puluhan karyanya yang lain berupa tulisan-tulisan lepas

dan artikel-artikel di berbagai media yang umumnya sanggup menggiring umat untuk memiliki wawasan keislaman yang mencerahkan.

Penyandang dua gelaran Doktor Kehormatan dari Al-Azhar University Cairo dan University Kebangsaan Malaysia ini juga melahirkan karya yang amat gemilang berupa Tafsir Al-Qur'an 30 juz yang diberi judul "Tafsir Al-Azhar".

### **MENYAMPAIKAN KEBENARAN MESKIPUN PAHIT**

«إن العلماء ورثة الأنبياء». Kalimat itu berasal dari hadis Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* yang berarti "Ulama itu merupakan pewaris para Nabi" (hadis riwayat Ibnu Majah). Maknanya, tugas utama para ulama adalah menyampaikan kebenaran sebagaimana yang juga ditugaskan Tuhan kepada para Nabi terdahulu. Tugas suci inilah yang diteruskan secara berkesinambungan oleh para ulama dari masa ke masa sebagai "tugas warisan" dari para Nabi. Di dalam kitab suci Al-Qur'an terdapat beberapa dalil penegasan tentang kebenaran yang langsung berasal dari Tuhan. Dan ditegaskan pula agar kita manusia tidak boleh sedikitpun ragu atas hal itu. Sebagai seorang ulama, Buya Hamka sadar betul akan tugas suci itu, yakni menegakkan kebenaran.

Sehubungan dengan itu, ungkapan yang amat masyhur di telinga dan juga di lidah kita adalah kalimat «قل الحق ولو كان مرأ» yang bermaksud "Katakanlah yang benar itu meskipun pahit rasanya" (hadis riwayat al-Baihaqi dalam *Shu'ab al-Iman*). Dari ungkapan ini tersirat bahwa menyampaikan kebenaran itu merupakan sesuatu

yang tidak mudah, bahkan akan mendatangkan risiko yang amat berat.

Hal itu memang pernah dialami oleh Buya Hamka. Di masa-masa negerinya dipimpin oleh seorang Presiden bernama Soekarno, yang merupakan sahabatnya, terjadi suasana perbedaan haluan politik di antara Soekarno dan Hamka. Soekarno ingin mengarahkan kehidupan berbangsa dan bernegara berdasarkan gabungan yang menyatu antara faham agama dengan faham komunis. Sementara Hamka amat menentangnya, karena faham agama yang meyakini kekuasaan Tuhan tidak dapat disatukan dengan faham komunis yang menafikan sama sekali adanya Tuhan. Akibatnya Hamka dijebloskan ke dalam penjara. Ungkapan «قل الحق ولو كان مرأاً», “Katakanlah yang benar itu meskipun pahit rasanya” jelas-jelas terbukti dan dialami sendiri oleh Hamka.

Bagi kebanyakan kita, ungkapan «قل الحق ولو كان مرأاً» itu merupakan “dalil” yang menjadi dasar bagi kita untuk menyatakan yang benar kepada orang lain. Dan boleh jadi kebenaran yang kita sampaikan itu dirasakan pahit oleh yang menerima. Kemudian dengan semangat yang pantang menyerah kita berani mengoreksi orang lain yang kita pandang salah jalan. Tentu boleh jadi, koreksi yang kita anggap benar itu akan dirasakan pahit bagi yang menerimanya. Bagi Hamka, ungkapan «قل الحق ولو كان مرأاً» bukan hanya semata-mata ditujukan kepada orang lain, tetapi, yang paling utama sekali haruslah terlebih dahulu ditujukan kepada diri sendiri.

Memang menyatakan kebenaran kepada diri sendiri dengan cara mengakui kesalahan dan mengoreksi diri, sering kali terasa pahit, sehingga kita enggan melakukannya. Akibatnya, disadari atau tidak, kita terbawa hanyut dalam kesalahan yang kita jalani.

Betapa banyak orang yang selalu giat mengoreksi orang lain, sementara ia lupa mengoreksi dirinya sendiri. Tak sedikit di antara kita yang sengaja menutup-nutupi kesalahan dirinya. Bahkan ada sebagian kita yang enggan mengakui kekurangannya karena merasa dirinya tidak pernah bersalah. Atau dia hanya rajin mengoreksi orang lain, sementara kesalahan yang ada pada dirinya tidak pernah disadarinya. Pepatah Melayu mengatakan: “Kuman di seberang lautan tampak jelas, sementara gajah di pelupuk mata tidak terlihat”

Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda dalam hadisnya:

*“Berbahagialah seseorang yang disibukkan oleh rajinnya mengoreksi aib dirinya sendiri agar lebih baik, ketimbang ia terus disibukkan oleh rajinnya mengoreksi aib orang lain.”*

Menegakkan kebenaran dengan menyampaikan yang benar meskipun pahit kepada diri sendiri sering kali terasa berat. Namun hal ini harus diusahakan terwujud dalam diri setiap da‘ie sebagai syarat mutlak sebelum berda‘wah menyampaikan kebenaran kepada umat. Bagi Hamka hal itu merupakan salah satu prinsip hidupnya.

## MENCINTAI ALLAH

Setiap muslim berkeyakinan bahwa Allah-Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Kuasa menentukan segala sesuatu, adalah berada di atas manusia. Dan manusia, sebagai makhluk tertinggi yang diberi amanah oleh Allah untuk menjadi khalifah atau “wakil Tuhan” di muka bumi ini tidak boleh tidak, harus tunduk kepada ketentuan Allah. Dan segala makhluk yang lain selain manusia, termasuk para malaikat, haruslah mengakui kekhalifahan manusia. Maka dari itu, manusia adalah makhluk bebas, yang dengan daya kreatifitasnya sendiri bertanggungjawab dalam memikul tugas kekhalifahan sebagai amanah dari Allah guna membangun bumi dengan sebaik-baiknya tempat hidupnya karena itulah tugas utama kekhalifahannya.

Untuk dapat melaksanakan amanah itu, Allah menganugerahkan manusia dengan berbagai kelengkapan baik yang berupa fisik terutama yang terdapat di dalam diri manusia sendiri maupun yang berupa non fisik yang meliputi petunjuk-petunjuk dan hidayah. Kelengkapan yang berupa fisik meliputi segala anggota tubuh termasuk kaki, tangan dan panca indera serta saraf-saraf yang menghubungkan daya otaknya untuk berfikir. Sedangkan kelengkapan non fisik yang meliputi petunjuk dan hidayah adalah ajaran kebenaran berupa agama yang diturunkan Allah melalui para RasulNya.

Bagi manusia, petunjuk dan hidayah itu berawal dari adanya fitrah di dalam dirinya sendiri, yaitu kejadian asalnya yang suci dan baik. Manusia pada dasarnya adalah makhluk yang suci dan baik. Allah melengkapi dirinya dengan kemampuan dan bakat alami untuk

mengenalinya sendiri mana hal-hal yang buruk yang akan menjauhkannya dari kebenaran, dan mana-mana hal yang baik yang akan mendekatkan dirinya kepada kebenaran. Maka dengan fitrahnya itu manusia menjadi makhluk yang hanif, yaitu yang secara alami cenderung dan memihak kepada yang benar, yang baik dan yang suci.

Oleh karena itu, manusia akan selalu merasa aman dan tentram dengan kebenaran, kebaikan dan kesucian. Memihak kepada yang baik, yang benar dan yang suci yang dalam wujud tertingginya ialah memihak kepada Allah - Tuhan Yang Maha Esa, Sang Kebenaran Mutlak akan selalu menyatu pada diri manusia, karena hal itu merupakan pelaksanaan "Perjanjian Asasi" antara manusia dan Penciptanya, Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Perjanjian Asasi itu diikat ketika Allah hendak menciptakan manusia bertanya dengan tegas kepada manusia sebagaimana tertulis dalam Kitab Suci al-Qur'an (Surah al-A'raf: 172).

*"Dan ingatlah ketika Tuhanmu hendak mengembangbiakkan dari anak cucu Adam yakni dari benih-benih mereka dan anak keturunan mereka (umat manusia), kemudian Tuhan meminta mereka menjadi saksi seraya bersabda: "Bukankah Aku ini Tuhanmu sekalian?" Merekapun menjawab "Ya, benar. Kami semua bersaksi. Engkaulah Tuhan kami". Maka kalau demikian kesaksianmu, janganlah kamu kelak di Hari Kiamat berkata: "Sungguh kami lupa akan hal itu".*

Sebagai hamba Allah yang telah memperoleh karunia dengan menikmati pemberian, petunjuk hidup dan hidayah dari Allah, antara lain berupa naluri atau insting, panca indra, akal fikiran, hati nurani dan kebenaran yang termaktub dalam agama Islam, maka kita manusia sudah selayaknya mencintai Allah, Tuhan Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang dengan cinta sejati.

Bagi Hamka, mencintai Allah bukan hanya sekedar itu saja. Selain menjadikan-Nya sebagai "*Al Ma'bud*", Tuhan yang kita sembah, juga sekaligus meyakini bahwa Dialah Sang Kekasih Yang Maha Tercinta. Manusia menjalankan amanah kehidupan dari Allah dengan penuh tanggungjawab sambil menikmati "kehadiran Sang Kekasih" setiap saat dalam segala aspek kehidupan kita.

*"Dialah Allah yang Maha Hadir di manapun dan kapanpun kamu berada. Dan Allah Maha Menyaksikan segala yang kamu perbuat".* (Surah al-Hadid: 4)

Agar cinta selalu berbalas mesra dengan Sang Kekasih Yang Maha Agung dan jangan sampai cinta "bertepuk sebelah tangan", manusia harus tampil prima dengan penampilan yang sebaik-baiknya di hadapan Kekasih Yang Maha Rahman dan Maha Rahim.

Takwa pengertiannya berasal dari "يقي - وقى" - *يقي* - *وقاية* iaitu "*menjaga*" dan "*memelihara*", maka makna dari "bertakwa kepada Allah" adalah menjaga dan memelihara terus hubungan mesra percintaan dengan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Jangan sekali-kali merusak hubungan mesra itu dengan cara berbuat sesuatu yang

mendatangkan murka Kekasih iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Hamka seperti memberi cakrawala baru kepada kita, bahwa mencintai Allah itu adalah dengan meningkatkan terus kualitas takwa kita kepada Allah dalam segala aspek kehidupan. Hamka menegaskan kepada kita bahwa dalam kehidupan moden boleh saja seorang eksekutif kaya raya sekaligus menjalankan dan menikmati kehidupan sebagai seorang sufi. Kalau secara umum orang mengidentikkan kehidupan sufi itu dengan menjauhkan diri dari kehidupan duniawi, sementara Hamka tetap menekankan *tawazun*, keseimbangan, antara kehidupan duniawi dengan kehidupan ukhrawi. Doa yang selalu diajarkan kepada kita agar Allah memberi karunia kepada kita berupa kebahagiaan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat serta dilindungi dari ancaman siksa api neraka. Dan al-Qur'an dengan jelas memerintahkan kepada kaum beriman agar mengejar kebahagiaan akhirat sekaligus tanpa melupakan kebahagiaan dunia.

Salah besar kalau ada orang beriman yang berpandangan bahwa "tidak mengapa orang beriman di dunia ini menjadi manusia yang lemah, miskin, bodoh tersisih terpinggirkan...tapi di masa esok hari, akan memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di akhirat. Hal inilah yang merupakan gejala "merasa kalah sebelum bertanding". Sikap semacam ini selain dikutuk oleh ajaran Islam, juga pada hakikatnya menghina agama Islam itu sendiri.

## TANTANGAN YANG MENJADI KENYATAAN

Belum hilang dalam ingatan kita, di sekitar 30an tahun yang lalu, menjelang awal datangnya Abad ke 15 Hijriyah, Dunia Islam dan para tokoh Islam di seluruh dunia seperti bersemangat menyambut datangnya “Abad Baru Islam”. Berbagai acara internasional di masa-masa itu digelar di mana-mana, seperti Seminar, Festival dan sebagainya. Termasuk di Indonesia dan juga di Malaysia. Diharapkan, bahwa dunia akan menyaksikan kebangkitan Islam di abad 15 ini. Namun dengan terus berjalannya waktu, harapan itu justru semakin lama semakin pudar. Harapan akan bangkitnya Dunia Islam di abad ke 15 ini seperti kandas, paling tidak untuk sementara. Bekalangan ini Dunia Islam didera dengan berbagai permasalahan politik seperti perang dan perang saudara, masalah kemiskinan dan pengangguran, kekuasaan yang cenderung zalim otoriter, konflik antar etnis dan antar suku, penegakkan hukum yang sangat diskriminatif yang selalu membela yang kuat dan kaya, dan juga korupsi.

Dibandingkan Dunia Barat, kelihatan sekali Dunia Islam lebih lemah, lebih tidak terdidik, lebih miskin, lebih terbelakang dalam berbagai bidang kehidupan. Hal ini tentu saja amat bertolak belakang dengan profil ideal setiap Muslim sebagaimana yang diajarkan al-Qur'an:

﴿رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا

عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

(Surah al-Baqarah: 201)

Mengapa umat Islam menjadi lebih tertinggal dibanding Dunia Barat? Yang sudah pasti, hal itu bukan disebabkan Islam itu sendiri. Dunia telah menyaksikan bukti sejarah bahwa Islam pernah berhasil menggelar revolusi kemanusiaan yang paling dahsyat sepanjang masa, yang bermula ketika Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* memimpin langsung transformasi zaman jahiliyah Dunia Arab menjadi zaman pencerahan di segala bidang dalam tempoh satu generasi.

Islam juga berhasil melahirkan Khilafah Abasiyah yang berjaya selama separuh millennium dan sanggup melahirkan puncak-puncak ilmu pengetahuan dan peradaban dunia. Islam juga pernah mewujudkan Imperium terbesar sepanjang sejarah, iaitu Imperium Osmaniyah atau *Ottoman Empire*. Khilafah Osmaniyah ini berlangsung sekitar tujuh abad (1299–1923) dan menjadi penghubung utama peradaban Timur dan Barat. Meninggalkan kemegahan sejarah Islam di beranda Eropah.

Umat Islam boleh saja berbeda mazhab, berlainan kebangsaan, berbeda dalam konteks regional dan memiliki latar belakang sejarah yang berbeda-beda. Namun mereka disatukan oleh agama yang sama, iaitu Islam yang bertauhid dan Kitab Suci al-Qur'an.

Banyak orang awam menyangka dan tak sedikit pula intelektual muslim mengira bahwa setelah usai Perang Dunia II pada akhir tahun 1940an, kekuatan Barat yang “diikat” oleh *Judeo-Christian Ethic* tidak akan mungkin lagi melancarkan invasi militer, politik dan ekonomi terhadap Dunia Islam. Ternyata prasangka itu keliru besar. Para musuh Islam di tataran global sesungguhnya

menerapkan strategi dasar yang sama, sekalipun “bentuk permusuhannya” terhadap Islam berubah terus dari zaman ke zaman. Di sinilah tantangan yang dihadapi umat Islam di seluruh dunia. Namun, dengan mencari dan mencari terus “petunjuk abadi” yang terdapat dalam al-Qur’an, kemudian kita jadikan pedoman, insya Allah kita tidak akan pernah terkecoh.

Kekuatan dajjal dari Barat nyatanya hadir kembali dalam bentuk invasi ekonomi, serangan sosio-kultural, dan proses westernisasi pendidikan dan gagasan-gagasan neo liberalism yang sasarannya terutama kaum terpelajar Muslim. Hasilnya adalah munculnya kelompok-kelompok kaum terpelajar yang tergila-gila pada apa saja yang datang dari Barat dan akhirnya memandang rendah khazanah Islam sendiri. Sejak usai Perang Dunia II sampai dekad 1970an tidak banyak orang yang percaya, bahwa kekuatan imperialism Barat yang dulu berslogan *Gold, Gospel and Glory* akan kambuh kembali penyakit bawaannya, yaitu melakukan kembali pendudukan militernya atas negara-negara yang akan dijajah. Pada kenyataannya hal itu berlaku meski dengan alasan yang dicari-cari untuk “dibenarkan”.

Buktinya Amerika Syarikat melakukan pendudukan militer kembali. Sejak 2003 sampai sekarang militer Amerika Syarikat tetap bercokol di Iraq dengan segala macam alasan. Dan masih saja berada di Afganistan, berkeliaran di seantero Dunia Islam dengan berbagai macam dalih. Bahkan, yang menjadi keprihatinan kita, beberapa Negara Arab menyediakan Pangkalan Udara nya bagi keleluasaan militer Amerika digunakan menyerbu Iraq, Afganistan, Libya dan lain-lain.

Semua kenyataan yang berlaku ini merupakan bukti nyata bahwa peringatan Allah kepada kita umat Islam harus disikapi dengan serius. Ayat suci yang tercantum dalam Surah al-Baqarah ayat 120 yang menyatakan bahwa “Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan rela terhadap kaum beriman sampai kaum beriman mengikuti *millah* (agama) mereka” terbukti sebagai peringatan yang abadi.

### KESIMPULAN

Mengakhiri tulisan ini, saya mengajak kita semua menyadari, bahwa memang betul apa yang pernah diperingatkan Rasulullah Muhammad *sallallahu ‘alaihi wasallam*, agar kita berpegang teguh pada dua perkara yang beliau wariskan bagi umatnya. Kitab suci al-Qur’an dan Sunnah beliau. Dua perkara itu kita yakini sebagai sesuatu yang “*takkan lekang karena panas dan takkan lapuk karena hujan*”, sampai akhir zaman. Persoalannya adalah, kita terus memerlukan munculnya tokoh-tokoh ulama yang sanggup “membangkitkan” ajaran-ajaran al-Qur’an dan Sunnah Rasul itu sesuai dengan suasana, situasi dan tantangan zaman yang berlaku.

# **PERANAN NILAI DALAM SISTEM POLITIK: SATU TINJAUAN AWAL**

**DR. HAIROL ANUAR HJ MAK DIN  
DR. ZULKIFLI ABD. HAMID  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
SELANGOR (KUIS), MALAYSIA.**

## **PENGENALAN**

Frasa politik di Malaysia telah menarik ramai dalam kalangan pengkaji untuk membuat kajian berkenaannya. Lingkaran kajian pula banyak bertumpukan tentang sistem politik yang berlatarkan sejarah, proses, keputusan dan pelakunya sahaja. Walau bagaimanapun, penulisan ini mendapati elemen nilai kurang diberi penekanan dalam siri kajian politik sebelum ini dan sekiranya ada, ia hanya berlegar dalam sub bahagian sahaja. Sehubungan dengan itu, artikel ini cuba meninjau peranan nilai sebagai karakter utama terhadap sebarang bentuk perubahan sosial yang terjadi dalam negara ini termasuk kajian berkaitan sistem politik.

Perubahan sistem bernegara pasca Perang Dunia Kedua telah menetapkan bahawa sesebuah negara moden perlu terlibat dalam sistem demokrasi. Sistem ini telah dipraktikkan pada sebahagian besar negara di seluruh dunia. Malaysia merupakan sebuah negara yang konsisten melazimi kaedah ini melalui 13 siri Pilihan Raya Umum yang telah berlangsung semenjak merdeka.

## HUBUNGAN NILAI DALAM KEHIDUPAN

Hakikatnya tingkah laku manusia tidak berlaku begitu sahaja. Ia sebenarnya disebabkan oleh dorongan atau gerakan naluri dalam diri individu. Secara prinsipnya, gambaran awal menunjukkan bahawa mekanisme perlakuan manusia itu boleh diumpamakan sebagai sebungkah aisberg sebagaimana menurut kajian psikologi. Kelakuan yang dilihat secara zahir hanya merupakan 10 peratus sahaja daripada keseluruhan mekanisme itu. Manakala baki 90 peratus lagi tidak kelihatan. Bahagian yang tidak kelihatan inilah yang mengandungi elemen-elemen yang lebih fundamental seperti soal keyakinan, pandangan hidup dan nilai.

Oleh yang demikian, nilai merupakan petunjuk yang penting untuk mengkaji dan menentukan prestasi individu, kelompok masyarakat, dan interaksi budaya. Hal ini kerana nilai merupakan suatu unsur budaya yang diperlihatkan secara '*eksplisit*' dan '*implisit*' terhadap pilihan, tindak balas, penghargaan, dan penghayatan. Nilai merupakan suatu prinsip yang menyediakan anggota masyarakat kepada suatu bentuk ukuran untuk membuat pemilihan tentang tindakan dan matlamat sesuatu masyarakat. Nilai juga turut berfungsi sebagai standard asas bagi membezakan manusia itu baik atau sebaliknya.

Perspektif Islam, setiap amal harus bermula dengan niat iaitu tekad di dalam hati serentak dengan amal. Manakala nilai-nilai umumnya menjadi motivasi dalaman yang menggerakkan seseorang atau masyarakat dan menentukan pola perilakunya. Bagi konteks masyarakat beragama, biasanya ajaran agamanya yang menjadi sumber nilai-nilai. Dengan kata lain, perintah-perintah agamalah yang memberikan set nilai.

Sehubungan dengan itu terdapat perkaitan antara niat dengan nilai. Dari segi implikasinya sebagaimana yang dihuraikan oleh Akademi Pengurusan YaPEIM (2010) terhadap amal seseorang berpaksikan niat yang merupakan iltizam atau komitmen batin yang serius dan bersungguh-sungguh untuk melakukan sesuatu. Di samping itu, niat juga membawa dampak kawalan dalaman agar amal dan perlakuan seseorang itu tidak menyimpang dari tujuan asal sebagaimana yang telah diniatkan. Oleh yang demikian, di dalam Islam nilai yang berlegar perlu berkiblatkan niat semata-mata kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

«إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ» رواه البخاري ومسلم.

*Maksudnya:*

*"Sesungguhnya amalan-amalan itu adalah (bergantung) kepada niat, dan sesungguhnya bagi setiap manusia itu apa (balasan) yang diniatkannya. Maka barangsiapa yang berhijrah kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya itu adalah kepada Allah dan RasulNya. Dan barangsiapa yang berhijrah kerana dunia yang ingin ia memperolehnya atau kerana seorang perempuan yang ingin ia dinikahnya, maka*

*hijrahnya itu adalah atas apa yang ia berhijrah kerananya."*

Walau bagaimanapun dewasa ini, kelihatan hubungan di antara nilai dengan pemilihan kepimpinan politik amat relevan. Sejarah dunia telah membuktikan bahawa sesebuah ketamadunan itu boleh merosot diakibatkan oleh beberapa faktor sebagaimana diungkap oleh Chandra Muzaffar et al. (2001) seperti ketidakadilan sosial, penindasan dan kezaliman, keruntuhan moral dan kepupusan nilai dalam masyarakat, sikap tertutup serta menolak perubahan, dan bencana alam. Pernyataan ini adalah sejajar dengan pandangan Ibn Khaldun (1332-1406) yang menegaskan tentang kepentingan pegangan dan pengaruh sistem nilai dalam kehidupan.

Hal ini terzahir melalui '*Teori Pola Pusingan Budaya*' yang dipelopori olehnya. Teori ini telah mengariskan tamadun di dalam pelbagai bangsa berkembang melalui empat tahap utama, iaitu; 1) Tahap nomad, 2) Tahap urbanisasi, 3) Tahap kemewahan, dan 4) Tahap kemunduran yang membawa kepada kehancuran. Umumnya pada peringkat permulaan sesebuah kerajaan itu masyhur dan berjaya kerana ada nilai-nilai baik yang memandunya, tetapi selepas beroleh kejayaan, nilai-nilai baik tersebut mulai tiris dan merosot akibat limpahan kemewahan dan berleluasanya penyelewengan sehinggakan kerajaan tersebut runtuh dan hancur.

Oleh sebab itu, peranan nilai merupakan sesuatu elemen yang amat mustahak dalam menentukan corak kehidupan seseorang. Begitu juga dalam mencorakkan sistem berpolitik, peranan nilai adalah amat signifikan. Hal ini kerana sistem berkerajaan yang sah termeteri dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjadi wasilah berpolitik

dalam negara ini adalah melalui kombinasi amalan demokrasi berparlimen dan konsep Raja Berperlembagaan. Justeru baik atau buruknya, benar atau salahnya, bersih atau kotornya sistem demokrasi yang dipraktikkan adalah bergantung sepenuhnya kepada nilai seisi masyarakatnya yang menjadi pelaku utama di dalam pentas politik.

## **SIGNIFIKAN NILAI DALAM SISTEM POLITIK**

Hubungan nilai di dalam sistem politik di Malaysia turut dapat dilihat melalui beberapa bentuk penemuan kajian sebelum ini. Rumusan analisa mendapati timbul semacam suatu arus kesedaran baharu dalam pemikiran politik masyarakat iaitu peranan nilai di dalam menentukan hala tuju politik di Malaysia (Hairol Anuar 2014). Selain itu, terdapat juga hasil dapatan yang turut sama mengukuhkan lagi tentang relevansi nilai dalam sistem politik. Berikut merupakan hasil dapatan daripada siri kajian lepas:

1. Kajian Ahmad Fauzi Mohd Basri (1996) berkenaan isu akhlak Islam telah dijadikan kriteria utama di dalam pemilihan ketua politik Melayu. Pelbagai cabaran telah mula dilakukan terhadap pendekatan pemilihan ketua yang lebih berasas kepada kepentingan kebendaan semata-mata. Apa yang jelas, sifat sesetengah tokoh korporat Melayu baru yang menceburi bidang politik untuk tujuan mendapatkan pulangan projek yang menguntungkan telah secara serius mula dicabar. Setiap ketua yang inginkan diri mereka diterima bertanding untuk sesuatu jawatan politik perlu menggunakan prinsip-prinsip Islam sebagai asas untuk menunjukkan keabsahan kepimpinan mereka.

2. Kajian Syed Ahmad Hussein (2002) berkenaan sifat penerimaan parti politik Islam terhadap konsep pilihan raya berasaskan sistem demokrasi yang sekaligus menolak pendekatan revolusi. Apa yang jelas, parti PAS tidak bersikap pasif di dalam menerima pakai sistem ala demokrasi ini, tetapi telah bertindak mengkaji dan menerangkan kesesuaiannya dengan ajaran Islam itu sendiri.
3. Kajian Zulkipli Abd Ghani (2002) berkenaan pengaruh Islam yang lebih progresif telah dilihat menyerap masuk ke dalam kedua-dua parti politik Melayu, yang menjadikannya lebih relevan kepada kehendak Islam dan masyarakat Melayu. Sebagai contoh parti UMNO telah dianggap sebagai parti Islam yang terbesar di dunia dan mendapat pengiktirafan beberapa tokoh ulama Islam di peringkat antarabangsa.
4. Kajian Mohamad Abu Bakar (2002) berkenaan isu-isu yang menyentuh persoalan Islam dan pembangunan kerap menjadi isu utama yang perlu diperhatikan dengan lebih serius oleh kedua-dua buah parti politik Islam, demi untuk menjadikan mereka sebagai parti yang diterima ramai oleh kalangan pengundi Islam di Malaysia. Hal ini boleh dilihat daripada perubahan sikap pengundi Melayu baru yang terdiri dari golongan profesional yang telah menganggotai parti PAS kerana tertarik dengan pendekatan Islam bentuk moden yang diperjuangkan oleh parti ini dan sekaligus menolak dakwaan bahawa PAS adalah parti orang kampung dan lulusan agama semata-mata. Begitu juga halnya dengan parti UMNO, yang turut dianggotai oleh

Justeru, untuk menjamin hubungan kekeluargaan agar sentiasa tetap dan utuh, maka ahli-ahli perundangan di beberapa Negara Islam telah menggubal satu peruntukan yang dinamakan sebagai undang-undang wasiat *wajibah*. Peruntukan itu digubal berdasarkan fenomena-fenomena yang biasa berlaku dalam masyarakat Islam dan perlaksanaannya adalah lebih bersifat *siasah syar'iyah* dan *masalah 'ammah*.

Walau bagaimanapun terdapat pandangan-pandangan 'ulama' silam yang mewajibkan wasiat kepada golongan tertentu berdasarkan kepada nas-nas al-Qur'an dan hadith Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* meskipun pandangan itu lemah di sisi jumhur 'ulama'. Kedudukan wasiat *wajibah* menurut undang-undang di beberapa Negara Islam kini adalah lebih cenderung kepada pendapat Ibn Hazm dan satu riwayat.

## RUJUKAN

Al-Qur'an Al-Karim.

A'la ad-Din Samarqandi, (1959), *Tuhfat al-Fuqaha'*, Damshiq.

Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath, (t.t.), *al-Sunan Abi Daud*, Sunt: Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid, Beirut: Maktabah Shoida.

Abu al-Walid Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Rushd, (1416H/1995), *Bidayah al-Mujtahid, Wa al-Nihayah al-Muqtasid*, Dar Ibn Hazm, Beirut.

al-Bahuti, Mansur bin Yunus bin Idris (t.t.), *al-Raudh al-Murbi' Syarh Zad al-Mustaqni'*, Mu'assasah al-Risalah.

- Bukhari, Muhammad bin Abdullah, (1422H), *Sahih Bukhari*, Sunt: Muhammad Zuhair bin Nasir al-Nasir, Dar Turuq al-Najah.
- Ibrahim Anis *et. al.*, (1380H/1960M), *Muʿjam al-Wasit*, Misr.
- al-Sharbiniy, Shamsuddin Muhammad Ibn Muhammad Al-Khatib, (1418H/1997M), *Mughniy al-Muhtaj ila Maʿrifah Maʿani Alfaz al-Manhaj.*, Beirut: Dar al-Marifah.
- al-Zuhaili, Wahbah, (1417H/1996M), *Fiqh al-Islamiy wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, Damshiq.